



KATA SEMANGAT .... Mahmud (tengah) memberikan kata-kata semangat kepada para peserta program itu.

NST 29.11.2012 9

## UMS akan pameran 20 jenis pakaian tradisional di puncak Gunung Kinabalu

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal catat sejarah sendiri apabila sekumpulan pelajar universiti itu memamerkan 20 jenis pakaian tradisional di puncak Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara, pada 30 November ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Prof Madya Datuk Dr. Hj. Kasim Md Mansur berkata Program 1Malaysia di Puncak Gunung Kinabalu yang julung kali diadakan itu akan disertai 30 mahasiswa dan siswi serta pegawai UMS.

Katanya, kesemua pendaki akan memakai pakaian tradisional Melayu Selangor, Rungus, Murut, Lotud, Kadazan Papar, Kokos, Cina, Dusun Tidong, Baju Daling-Daling, Baju Sumazau Penampang, Bajau Kota Belud, Dusun Tatana, Lundayeh, India, Gujerat, Melayu Brunei, Kadazan Papar, Baju Istana, Dusun Tindal Sinimpak dan Baju Suluk di puncak Gunung Kinabalu.

"Tema program iaitu "Knows you origin" bertujuan memartabatkan warisan nenek moyang ke peringkat tinggi agar ia tidak hilang ditelan zaman.

"Pelaksanaan program 1Malaysia ini juga secara tidak langsung dapat memupuk semangat cintakan tradisi dan keharmonian. Pada masa yang sama, ia dapat melahirkan warga intelektual, kreatif dan berdaya saing serta mengenali lebih dalam tradisi yang terdapat di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya sempena perasmian Program 1Malaysia di Puncak Gunung Kinabalu, di Anjung Siswa UMS, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Pen-

garah Pusat Alumni UMS, Prof.Madya Dr.Mahmud Sudin.

Turut hadir Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMS merangkap Penasihat Kelab Kebudayaan Dan Kesenian (Cul'Art) UMS Alan James, Pengarah Program 1Malaysia di Puncak Gunung Kinabalu Mohd Hafizi Nurodin dan para peserta.

Program itu dianjurkan oleh Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Hal Ehwal Pelajar bersama Cul'art UMS.

Kassim berkata program itu juga dapat melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dan berkebolehan dalam pelbagai bidang serta memperkenalkan budaya Sabah di peringkat lebih tinggi.

"Di samping itu ia juga dapat membantu memperkenalkan UMS sebagai institusi yang bukan sahaja menghasilkan graduan yang mempunyai kepakaran dalam bidang akademik malahan mempunyai kepakaran dalam bidang kebudayaan dan kesenian.

"Saya berharap cetusan penganjuran program ini akan melahirkan graduan yang mencintai warisan seni budaya dan tradisi masyarakat Malaysia yang pelbagai, secara tidak langsung membudayakan kesenian dalam diri mereka," katanya.

Kassim percaya program 1Malaysia di Puncak Gunung Kinabalu itu itu akan menjadi jambatan kepada pengukuhan konsep 1Malaysia selain menjadi titian memartabatkan warisan nenek moyang, khususnya pakaian tradisional pelbagai suku kaum di Malaysia. -Oleh MARRYAN RAZAN marryan@newsabahtimes.com.my



BERSAMA PESERTA .... Mahmud (tengah) bersama para peserta Program 1Malaysia di Puncak Gunung Kinabalu menunjukkan isyarat 1Malaysia, pada majlis itu.